KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	12/1/2022 (RABU)	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	KeTSA / PERHILITAN			



ISMAIL Sabri selepas mempengerusikan Mesyuarat Pertama Pasukan MyTTF di Putrajaya.

Majoriti populasi berada di hutan simpan

Kuala Lumpur: Majoriti daripada populasi harimau Malaya berada di kawasan hutan simpan di Semenanjung Malaysia terutama di kompleks Taman Negara-Banjaran Titiwangsa.

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Semenanjung Malaysia dalam kenyataannya semalam memaklumkan, fakta itu hasil daripada penyelidikan *1st National Tiger Survey* (NTS1) dilakukan sebelum ini.

Penjelasan itu bagi menjawab laporan sebuah media tempatan kelmarin, mendakwa terdapat 11 ekor harimau belang berkeliaran di Pos Bihai, Gua Musang, Kelantan dan mengancam nyawa penduduk.

Menurutnya, Jabatan Perhilitan masih menjalankan operasi pemantauan dan kawalan di kawasan perkampungan Orang Asli Pos Bihai berikutan aduan dari penduduk berkenaan harimau belang yang berkeliaran di kawasan berkenaan sejak 10 Disember tahun lalu.

"Setakat ini Perhilitan sudah memasang tiga perangkap harimau belang (Perangkap Wahab) iaitu dua di Kampung Tendrik dan satu di Kampung Hak, Pos Bihai.

"Pihak Jabatan Perhilitan juga sentiasa memantau dan memberi taklimat kepada penduduk kampung dari masa ke semasa berkenaan perjalanan operasi mengesan dan menangkap harimau belang serta langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil ketika berada di luar kawasan rumah," katanya.

Menurutnya, orang ramai disarankan lebih berhati-hati jika terserempak dengan hidupan liar dan aduan serta maklumat hidupan liar boleh disalurkan kepada Jabatan Perhilitan Negeri Kelantan melalui talian 011-59275985 atau talian hotline Perhilitan 1-800-88-5151 atau e-aduan di laman web *www.wildlife.gov.my*.